

TAPS bawa lembaran baharu untuk orang kampung



JAAFAR

Faiz Hasan

AYER LIMAU - Pembinaan Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Jernih diharapkan mampu menyelesaikan masalah penduduk yang berdepan isu bekalan air saban tahun lalu.

Pengerusi Jawatan kuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Sungai Jernih, Jaafar Atan, 60 berkata, projek itu mampu membawa lembaran baharu buat penduduk di Masjid Tanah dan Daerah Alor Gajah bagi persediaan mendepani kemajuan pembangunan kawasan itu pada masa akan datang.

Jelasnya, meskipun terdapat bantahan sejak pembinaannya dicadang pada 2004 perkara itu perlu dilaksanakan bagi mengatasi dilema masyarakat yang sering berdepan catuan dan terputus bekalan air setiap minggu.

"Kalau dulu setiap dua hari mesti tiada air malah situasi ini lebih serius kepada mereka yang tinggal di



SUHAIMI

kawasan yang tinggi kerana tidak menerima air akibat tekanan rendah.

"Kita ucapkan ribuan terimakasih kepada penduduk kerana mereka sanggup melepaskan tanah pusaka nenek moyang untuk membangunkan kawasan ini demi masa depan rakyat.

"Biarpun adabantahan tahun demi tahun tapi inilah pengorbanan mereka dan hasil usaha Kerajaan Pusat dan Negeri yang tidak putus mengadakan rundingan yang lebih baik demi masa depan anak-anak," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, Pengerusi JPKK Ramuan China Besar, Suhaimi Jantan, 65 menyifatkan projek itu mampu membawa perubahan baharu dalam memastikan rakyat di kawasan Masjid Tanah menerima limpahan daripada pembangunan yang mampan di negeri ini.

Ujarnya, TAPS sekali gus mampu mengatasi dilema penduduk khususnya di sekitar Lubuk China yang



AHMAD RAZAK

sering berdepan masalah itu setiap tahun.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang berusaha membantu mengatasi masalah penduduk sebab sebelum ini kami sering menghadapi isu gangguan air.

"Alhamdulillah ini merupakan satu khabar gembira buat penduduk meskipun ada yang terpaksa akur melepaskan tanah pusaka mereka demi pembangunan masa hadapan," katanya.

Dalam pada itu, seorang penduduk, Ahmad Razak Said, 68 berkata, masyarakat tidak boleh lari daripada pembangunan yang berlaku demi masa depan dan kesejahteraan kehidupan.

"Projek ini berlarutan sebab ada yang bantah tidak sanggup melihat tanah pusaka mereka ditenggelamkan. Tapi atas perundangan yang bagus bersama kerajaan dan penduduk, perkara ini diselesaikan dan kita sebagai penduduk menerima dengan hati terbuka demi memastikan isu bekalan air ini diatasi," katanya.